

'Najib perlu mohon maaf jika mahu aktif semula dalam politik'

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Tun Razak perlu tampil memohon maaf secara terbuka dan mengakui kesilapan dilakukan jika ingin kembali aktif dalam politik.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau mengakui bahawa ia sesuatu yang amat 'membimbangkan' buat Malaysia jika Najib dilantik semula sebagai Perdana Menteri.

"Jika Najib Razak boleh menjadi Perdana Menteri buat kali kedua, maka kita tidak sepatutnya terkejut lagi dengan apa-apa yang berlaku dalam dunia politik.

"Apabila seseorang yang pernah menyatakan bahawa 'cash is king' kembali memimpin negara, itu adalah sesuatu yang amat membimbangkan.

"Jika beliau benar-benar ingin kembali memimpin, seharusnya beliau tampil memohon maaf secara terbuka dan mengakui kesilapan dan bukan dengan cara menggunakan

wang untuk membeli sokongan, meminjam atau mencuri demi kuasa," katanya pada sesi dialog sempena pelancaran Buku Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Katanya, beliau mahu rakyat Malaysia juga sedar bahawa kepimpinan 'cash is king' tidak boleh terus diterima lagi di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, apabila wang menjadi alat utama untuk meraih kuasa maka, politik bukan lagi tentang perjuangan untuk rakyat, negara dan agama.

"Ia sebaliknya berubah menjadi satu permainan kuasa yang dipenuhi rasuah dan kepentingan peribadi," katanya.

Berbanding dahulu, katanya, perjuangan Malaysia adalah untuk agama, bangsa dan tanah air namun, apabila haluan itu berubah maka, ramai yang kecewa dan terpaksa berundur.

"Saya sendiri tidak sanggup terus berada dalam sistem yang telah lari daripada prinsip asal," katanya.



DR. Mahathir Mohamad melancarkan buku 'A Conversation With Tun Dr. Mahathir Mohamad' di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR